

29/09/1997

Castro pemimpin nasionalis

HAVANA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat, Fidel Castro seorang pemimpin yang jujur walaupun masih berpegang kuat kepada ideologi sosialis.

"Pada pendapat saya, kebanyakan orang yang dicap sebagai komunis ini sebenarnya mereka nasionalis. Cuma pendekatan mereka untuk selesai masalah berbeza daripada kita.

"Mereka terlalu nasionalistik kerana mahu negara mereka bebas. Jadi itu tidak salah. Dia bukan nak berperang dengan kita dan tidak persoalkan apakah kita kapitalis atau tidak," kata Perdana Menteri ketika diminta pandangannya mengenai Presiden Cuba itu, pemimpin paling lama memerintah di dunia sekarang.

Castro, 71, yang mula menjadi ketua kerajaan Cuba pada 16 Februari 1959 selepas berjaya mengetuai revolusi menggulingkan kerajaan Batista, mengisytiharkan dirinya sebagai penganut fahaman Marxist-Leninist pada Disember 1961.

Beliau yang berkelulusan doktor falsafah dalam bidang undang-undang, menceburi gerakan pembebasan pada 1947 dengan menyertai cubaan menawan Republik Dominica. Pada tahun yang sama juga, beliau menyertai Parti Rakyat Cuba atau Ortodoxos.

Pada 1960, kerajaan Castro mengambil alih semua kepentingan Amerika Syarikat di Cuba menyebabkan hubungan kedua-dua negara terputus. Bagaimanapun, cubaan pelarian Cuba tajaan Amerika untuk menggulingkan Castro di Bay of Pigs pada April 1961 gagal.

Sepanjang memimpin Cuba selama hampir 40 tahun, Castro terselamat daripada 20 cubaan membunuh, menyaksikan pertukaran lapan presiden Amerika Syarikat, satu cubaan menakluk Cuba, sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat sejak 35 tahun lalu dan krisis peluru berpandu 1962 yang hampir mencetuskan perang nuklear.

Mengenai perbincangannya dengan Castro, Dr Mahathir berkata selain hubungan dua hala, Presiden Cuba itu juga menjelaskan mengenai masalah yang dihadapi di negara itu sekarang terutama tentangan dari luar.

"Beliau berbincang mengenai bagaimana dia cuba nak bangunkan Cuba dan tentangan yang dihadapi. Dulu dikatakan dia tutup negara dia, sekarang dia buka tetapi tapi tak siapa datang, tak dibenar datang (oleh negara tertentu)... macam-macam.

"Castro juga berpendapat pandangan Malaysia dengan mereka sama dalam bidang tertentu. Ada asas tertentu yang boleh kita bekerjasama. Sudah pasti mereka menganut ideologi berlainan tetapi kita boleh bekerjasama dengan China dan saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh berbuat demikian dengan Cuba," katanya.

Ditanya masa depan Cuba selepas Castro, Perdana Menteri berkata ramai orang percaya kalau tidak ada Castro, Cuba akan berbeza.

"Tidak semestinya. Rakyat di sini menerima kerajaannya... bukan semata-mata kerana tekanan seperti dituduh oleh media Barat," katanya.

(END)